


Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Mukhlis Asy-Syarkani
Allah doktorku : wahyu ubat penyakitku
Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2013. 314ms.
ISBN 978-967-388-128-4

ULASAN

Kesihatan yang terjamin dan kehidupan yang selesa adalah sebahagian tuntutan kehidupan manusia. Dalam episod kehidupan dunia, sakit merupakan salah satu babak kehidupan yang datang daripada Pencipta Yang Maha Bijaksana sebagai ujian dan dugaan. Manusia akan berusaha untuk sembuh dan hakikat penyembuhan yang sebenarnya adalah daripada Allah SWT kerana Allah bersifat asy-Syafi.

Pelbagai pendedahan mengenai kaedah perubatan warisan Islam melalui buku ini. Buku ini sangat wajar dimiliki kerana menekankan penyembuhan penyakit luaran dan dalaman, jasmani dan rohani serta membantu masyarakat mengamalkan perubatan Islam dengan panduan al-Quran dan hadis. Di samping itu, buku ini turut sarat dengan doa dan petua bagi penyembuhan penyakit. Ia juga memberikan penghayatan dan motivasi agar turut merawat iman di dalam hati.

Penulis menerangkan bahawa dalam konsep Islam, diperjelaskan Allah ialah Zat Yang Maha Penyembuh terhadap segala penyakit. Oleh itu, manusia hendaklah sentiasa mendekatkan diri kepada Allah sebagai Zat Yang Maha Penyembuh. Ini penting memandangkan bagi para pesakit yang menghadapi tekanan batin dan goncangan jiwa, maka ketika itu ia memerlukan ketenangan dan tiada cara lain untuk merasai ketenangan melainkan dengan berusaha dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk dekat kepada Zat Yang Maha Penyembuh iaitu Allah Azzawajala dengan memperbanyak zikir, amal ibadah yang tulus dan ikhlas.

Buku ini juga menyatakan Islam mengajar manusia agar sentiasa memelihara alam ini dan tidak merosakkannya, kerana ia berhubung kait dengan kehidupan manusia. Interaksi antara alam dan manusia mestilah dilakukan dengan berasaskan keharmonian bukan pada eksloitasi yang berlebihan, sebab telah pun diakui dan dialami oleh umat manusia bahawa kerosakan alam memberi kesan yang amat buruk kepada manusia itu sendiri. Oleh itu, Allah memerintahkan agar manusia sentiasa menjaga ekosistem yang telah disusun dengan baik oleh-Nya.

Buku ini juga menekankan ajaran Islam berkaitan kebersihan. Kebersihan adalah amat penting sehingga setaraf dengan keimanan. Hal ini kerana kebersihan itu lambang kesucian dan kesucian itu sifat Tuhan. Maka dari itu, sebelum melakukan ibadah solat, diwajibkan bersuci menghilangkan najis dan kotoran yang melekat pada tubuh dan pakaian seterusnya membawa kepada kebersihan rohani yang kemudian tercermin dalam tingkah laku manusia yang indah dan menyenangkan membawa misi damai dan harmoni.

Memang terdapat perbezaan di kalangan ulama tentang perlunya berubat ketika menghadapi penyakit. Ini disebabkan perbezaan pandangan mengenai ayat-ayat dan sunnah Nabi. Buku ini ada menyatakan pandangan ahli Sunnah wal Jamaah dengan konsep teologinya yang diasaskan daripada al-Quran dan sunnah dan ijmak para ulama muktabar telah memformulasikan perlunya berubat sekaligus berdoa, tawakal, sabar bagi menambah kekuatan mental menghadapi kesukaran dan bagi meningkatkan kualiti rohani agar redha terhadap takdir Allah.

Buku ini turut menerangkan pelbagai kajian dan pengalaman menunjukkan perkara yang diharamkan membawa mudarat terhadap kesihatan manusia, maka perlu dijauhi sebagai tanda beriman dan dalam masa yang sama bagi mendidik umat manusia agar menjalani pola hidup yang sihat. Penulis turut menggambarkan betapa pentingnya hati yang boleh menjadi sumber penyakit jika tidak dirawat dengan kaedah dan nilai-nilai agama. Penulis telah mengetengahkan kisah Nabi Ayub a.s. yang mendapat ujian sakit yang merosakkan seluruh tubuhnya, namun hati baginda tetap hidup berzikir kepada Allah. Dengan sihat hatinya itulah kemudian secara beransur-ansur kesihatan Nabi Ayub beransur baik.

Dalam buku ini turut menerangkan tentang pencegahan dan penyembuhan penyakit dengan al-Quran, madu yang merupakan ubat yang turun bersama wahyu, puasa untuk kesihatan, hidup sihat dengan solat, habbatus sauda sebagai ubat segala penyakit, bekam yang merupakan amalan Nabi menjaga kesihatan serta beriman, bertakwa dan bertawakal boleh meredakan stres ketika sakit. Di samping itu, buku ini turut membincarakan tentang memelihara kesihatan paru-paru dan jantung dengan sabar, marah merupakan sumber penyakit, jangan bersedih agar sihat dan kuat, mengisi perut dengan makanan, air dan oksigen secara seimbang bagi kesihatan serta kesembuhan dan penyeimbangan antara aktiviti dan rehat yang memberi manfaat kepada kehidupan yang sihat. Ia turut menerangkan kajian tentang tamar dan manfaatnya kepada manusia.

Keseluruhannya melalui buku ini, penulis menyatakan usahanya untuk mengajak masyarakat memahami secara optimum dalam mengkaji dan merenung penyembuhan melalui al-Quran, memantapkan keteguhan iman dan takwa bahawa Allah SWT yang Maha Menyembuh, memotivasi orang ramai agar tidak meminggirkan penyembuhan rohani, menunjukkan panduan perubatan Islam serta menghidupkan kembali khazanah perubatan Islam.


Pengulas:

Abdul Jalil Awang

Penolong Pengarah
Pusat Manuskrip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



WOODS, CASPIAN

**Bagaimana untuk memulakan dan mengusahakan
bisnes yang cemerlang**

Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors,
2013. 208ms.

ISBN 978-967-61-2609-2

ULASAN

Bagaimana untuk memulakan dan mengusahakan bisnes yang cemerlang merupakan sebuah buku yang memberi panduan melalui beberapa langkah yang harus diikuti untuk memulakan perniagaan. Melalui proses yang mudah dan jelas ia akan memberi inspirasi kepada seseorang untuk berjaya dalam perniagaan. Langkah-langkah yang dinyatakan merupakan paparan realiti yang terhasil daripada pengalaman pengarang sendiri dan pengalaman yang telah dilalui oleh usahawan-usahawan yang berjaya. Penulis telah membahagikan kandungan buku ini kepada tiga (3) fasa; fasa (1) Persediaan, fasa (2) Bertindak melaksanakannya dan fasa (3) Menggerakkan dan menjalankannya.

Dalam fasa pertama iaitu **PERSEDIAAN**, penulis menumpukan kepada lapan persediaan asas meliputi; (1) Persediaan diri sebagai seorang peniaga atau usahawan dari sudut wawasan dan audit ke atas kemahiran dan kekurangan diri, (2) Menjanakan idea untuk bisnes melalui meneroka dan memeriksa idea sama ada ia menepati

keperluan pelanggan, (3) Menguji idea untuk meningkatkan keyakinan diri bagi merealisasikannya, (4) Membina rangkaian sokongan untuk mendapatkan pelatih atau orang yang mampu menyuntik inspirasi kepada diri, (5) Memikirkan cara mendalam dengan melihat pelan bisnes yang paling mudah, (6) Mengurangkan kos bisnes melalui premis murah atau menggunakan e-dagang sebagai laluan bisnes, (7) Mendapatkan pembiayaan sama ada melalui simpanan, pinjaman peribadi atau mencari orang yang sanggup membantu dan (8) Meneliti cetakan halus bagi memastikan perniagaan syarikat dibangunkan secara sah dan dilindungi oleh undang-undang.

Dalam fasa kedua **BERTINDAK MELAKSANAKANNYA**, penulis membahagikan kepada enam langkah; (1) Memulakan bisnes dengan meneliti 20 teknik penting dalam jualan, (2) Menetapkan harga melalui caj yang dikenakan dan mengelak risiko terlebih jual, (3) Menghasilkan perkhidmatan melalui pemberian perkhidmatan pada harga yang pelanggan sanggup bayar, (4) Menjana aliran wang tunai menerusi pelan 8 tingkat pengurusan wang tunai (5) Membuat kira-kira daripada sudut sistem simpan kira yang mudah dan elak perangkap urus niaga wang tunai dan (6) Melaksanakan audit risiko ke atas reka bentuk idea, kewangan, undang-undang, insurans, jualan dan anda sendiri sebagai peniaga atau usahawan.

Dalam fasa ketiga **MENGERAKKAN DAN MENJALANKANNYA** merupakan fasa terakhir dalam bisnes di mana penulis membahagikannya kepada dua langkah; (1) Setelah perniagaan berjaya, kita perlu memikirkan untuk mengambil staf baharu untuk mengagihkan sebahagian tugas anda kepadanya melalui cara mudah dan mendapat pekerja yang bagus, (2) Memudahkan jualan sama ada melalui penjenamaan, pelanggan sedia ada, membina pasaran dari mulut ke mulut dan mendekatkan pemasaran yang berbeza sama ada melalui jualan langsung, pemasaran dalam talian dan digital, perhubungan awam dan pengiklanan.

Bagaimana untuk memulakan dan mengusahakan bisnes yang cemerlang adalah sebuah buku yang padat dengan teknik perniagaan yang disampaikan melalui langkah-langkah yang berhati-hati dengan harapan kejayaan boleh dicapai. Penulis turut mengutarakan tindakan dan pengalaman yang telah dilalui oleh usahawan yang telah berjaya bagi memudahkan pembaca membuat keputusan dan perancangan dalam

memulakan dan menjayakan perniagaan.

Buku setebal 208 halaman ini akan membangkitkan keyakinan pembaca untuk bersedia menggalas segala cabaran dan halangan bagi memulakan perniagaan. Pembaca juga akan mengetahui apa yang perlu dititikberatkan untuk menggapai kejayaan dan mendidik pembaca cara berfikir seorang usahawan yang berdaya usaha dan berjaya.


Pengulas:

Nor Azila Mohd Noor

Penolong Pengarah
Pusat Manuskip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



AMIN IDRIS

**Magnet diri : cipta diri lebih berpengaruh dan
berjaya**

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2013. 267 ms.
ISBN 978-967-411-122-9

ULASAN

Penulis Amin Idris merupakan seorang Pengasas dan Master Trainer di Amin Idris Training Consultant dan graduan Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Berpengalaman luas dalam bidang pengacaraan dan penyampaian media elektronik. Malah, beliau turut berkecimpung dalam bidang penulisan dan menghasilkan beberapa karya. Dalam karyanya yang berjudul *Magnet Diri : Cipta Diri Lebih Berpengaruh dan Berjaya* bagi edisi kemas kini, penulis mendedikasikan nukilan ini khas buat semua lapisan masyarakat daripada seorang ahli politik, pegawai kerajaan, pendakwah, usahawan, eksekutif, staf, petugas organisasi, pensyarah, guru, mahupun seorang individu biasa dalam meningkatkan kualiti diri khususnya dalam hidup bermasyarakat. Penulis membahagikan buku ini kepada tiga bahagian iaitu analogi yang menerangkan anjakan paradigma, perkara asas, prinsip, dan falsafah. Bahagian kedua pula berkenaan Energi yang menjelaskan persoalan penerimaan diri dan bagaimana mengoptimumkan prestasi serta potensi diri. Manakala dalam bahagian ketiga pula adalah mengenai Sinergi, iaitu bagaimana teknik menjadikan

diri kita lebih menarik sekaligus membuatkan orang lain rasa tertarik apabila bersua dengan kita.

Buku ini merupakan satu penandaarasan atau panduan kepada pembaca bagi menonjolkan kuasa magnet diri dan menaikkan keyakinan diri dalam kuasa mempengaruhi orang lain. Ini kerana di akhir setiap bab diselitkan dengan cadangan tindakan susulan dalam bentuk tip, kesimpulan, senarai tindakan dan ringkasan. Beberapa aktiviti berbentuk interaktif melalui borang-borang aktiviti, teori-teori yang dikongsi juga disampaikan dalam bentuk realistik bagi mudah difahami oleh pembaca serta tip-tip daripada individu berpengaruh dan personaliti dunia yang lain.

Menurut penulis apa yang dikongsikan dalam buku ini sebenarnya bukan sesuatu yang baru. Malah falsafah, petua, dan tip yang terkandung dalam buku ini adalah sesuatu yang fitrah dan diketahui umum, tetapi ia semakin dilupakan. Hal ini disebabkan oleh peredaran zaman dan perkembangan teknologi maklumat yang pantas menyebabkan kita kadangkala terlupa perkara-perkara yang fitrah. Justeru, buku ini mempersempahkan fitrah itu dengan pendekatan baru, segar dan disusun semula secara sistematik bagi memudahkan pembaca mempraktikkan ilmu dalam buku ini. Penulisan buku ini juga lahir daripada pengalaman yang dialami beliau sebagai seorang pelajar perundangan, melalui pembacaan penulis dan dunia pengacaraan yang memerlukan banyak kajian tentang tingkah laku manusia, pengalaman dan kejayaan yang dikehendaki oleh mereka.

Pengaruh dan kewibawaan adalah satu kuasa yang hebat yang diperlukan di mana sahaja atau oleh sesiapa sahaja. Contoh sebagai seorang bapa kepada anak, majikan kepada pekerja, abang kepada adik dan sebagainya dalam menjadi seorang individu yang bermagnetik, membuatkan kehidupan kita harmoni dan positif kerana disayangi dan diterima oleh semua orang dari semua peringkat. Kedua-dua aspek ini jika digabungkan dalam diri seseorang individu akan melonjakkan seseorang ke arah kejayaan dan seterusnya akan menggandakan apa yang dimilikinya. Ramai orang terbantut dalam perjalanan menuju kejayaan kerana kekurangan dua aspek berkuasa ini.


Buku yang mengandungi 8 bab ini memberikan suatu impak kepada pembaca yang ingin

melakukan sesuatu perubahan ke atas diri sendiri, perhubungan dan peningkatan kerjaya. Pembaca juga akan turut tertarik dengan pendekatan yang digunakan oleh penulis menerusi gabungan kepakaran teori dan pengalaman praktikal. Paparan rahsia-rahsia magnet diri dan kejayaan yang dikecapi oleh tokoh motivasi terkemuka negara seperti Dato' Dr. Haji Mohd Fadzillah Kamsah dan tokoh personaliti dunia yang lain turut dikongsi di dalam buku ini sebagai panduan. Menerusi magnet diri, kehadiran kita akan lebih memberi kesan dan sebarang tindakan yang diambil akan lebih dihargai oleh orang sekeliling.

Pengulas:

Hasnan Mamat @ Ahmad Shazili
Penolong Pengarah
Bahagian Pakar Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Najib Razak : pemacu transformasi negara
Kangar, Perlis : Penerbit Universiti Malaysia Perlis,
2013. 472ms.
ISBN 978-967-5415-54-87

ULASAN

Najib Tun Razak : Pemacu Transformasi Negara merupakan sebuah buku yang menghimpunkan teks ucapan Perdana Menteri (PM) YAB Dato ' Seri Najib Tun Razak sepanjang tahun 2009 sehingga awal bulan Mac 2013 yang menelusuri pemikiran PM di sepanjang pemerintahan beliau. Buku ini sangat berbeza pendekatan daripada buku-buku lain yang pernah ditulis mengenai beliau sebagai PM Malaysia ke -6.

Buku ini disunting oleh YBhg Dato' Profesor Dr Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP, bersama-sama dengan Profesor Dr Asiah Sarji dan Datin Paduka Datuk Dr Ramlah Adam. Menurut salah seorang penyunting buku ini iaitu YBhg Dato' Profesor Dr Kamarudin Hussin, beliau menghuraikan pemikiran PM Malaysia dari segi pandangan dan pemikiran para saintis dalam pelbagai bidang dengan menggunakan pendekatan analisis wacana. Terdapat 58 teks ucapan PM meliputi kajian strategi, perspektif politik dan pengurusan awam, kajian etnik, pengajian media, analisis ekonomi dalam negara

dan antarabangsa, pendidikan dan inovasi serta pelbagai lagi. Kebanyakan teks ucapan ini di dalam dwibahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu kerana masyarakat sedia maklum PM Malaysia begitu komited di dalam memperjuangkan transformasi beliau kepada seluruh peringkat masyarakat supaya pemahaman maksud dapat diserap dan dijana oleh semua lapisan masyarakat Malaysia. Buku ini juga bertambah menarik kerana setiap teks ucapan tersebut disusun mengikut bidang yang telah dinyatakan.

Antara penemuan menarik ialah, YAB Dato' Seri Najib Tun Razak merupakan seorang yang tidak mengalah dalam erti kekurangan, kesukaran, kegagalan apa lagi erti kekalahan. Bagi beliau sebarang bentuk inovasi merupakan instrumen yang efektif dalam melancarkan jentera transformasi dan sekiranya wujud implikasi negatif perlu ditangani dengan segera, pantas dan tuntas. Berdasarkan enam teks ucapan YAB Dato' Seri Najib berkaitan konsep transformasi yang selalu beriringan dengan perkara yang dilakukan secara bersungguh-sungguh, berterusan, komited, sepenuh hati, dedikasi, tekad dan berintegriti. Apabila diamati kata-kata tersebut merupakan sifat yang menggambarkan sesuatu tindakan yang kesemuanya dalam bentuk positif bagi mencapai sesuatu yang lebih baik.

Malah beliau percaya penggabungan pendekatan pemikiran dan inovasi daripada budaya tempatan dengan kehebatan minda dari luar negara boleh mewujudkan suatu inovasi pemikiran dan pendekatan yang berbeza. Buku berformat ini merupakan yang pertama mengenai YAB Dato' Seri Najib yang mengulaskan bahawa beliau merupakan seorang pemimpin yang boleh mewakili generasi baru dan pada masa yang sama sangat memahami keperluan generasi lama dan generasi peralihan, iaitu generasi beliau sendiri di mana beliau sangat arif mengimbangkan kedudukan ideologinya dengan persekitaran dan perubahan yang berlaku. Bentuk transformasi yang ingin dilihat sepanjang pentadbiran beliau ialah memastikan rakyat Malaysia dan negara ini berada pada kedudukan yang dihormati sebagai rakyat dan negara yang berintegriti, bijak, berfikiran terbuka dan tingkah laku yang sederhana. Beliau juga mahu menyediakan ruang sosio budaya yang bebas daripada sebarang kongkongan ideologi yang melampau. Beliau juga mahukan rakyat Malaysia bukan sahaja terdidik malahan bijaksana bagi membantu mereka merebut peluang dan potensi kejayaan sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Dari segi ekonomi, beliau mahukan setiap yang

terlibat berupaya membantu negara mengemudi pergerakan ekonomi dalam negara dan luar negara yang selamat dan negara akan berjaya mencapai matlamat tersebut menerusi perancangan transformasi ekonomi (ETP) dan transformasi kerajaan (GTP).


Kesimpulannya, buku ini amat sesuai untuk bacaan pengkaji pasca siswazah, pendidik dan pemimpin masyarakat bagi membantu mereka memahami aspirasi PM Malaysia dan mengenali siapa sebenarnya YAB Dato' Seri Najib Tun Razak yang berusaha keras untuk mencapai wawasan 2020, dan menjelaskan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Pengulas:

Effah Imtiaz Zainol
Penolong Pengarah
Pusat Manuskip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



KIYOSAKI, ROBERT T.
Retire young retire rich. Ed. bahasa Melayu.
Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2013.
546ms.
ISBN 978-967-369-199-9

ULASAN

Retire Young Retire Rich adalah tentang bagaimana Robert T. Kiyosaki dan isterinya, Kim Kiyosaki, memulakan kehidupan daripada sifar sehingga akhirnya mereka bersara tanpa sebarang beban kewangan. Proses tersebut mengambil masa kurang daripada sepuluh tahun. Ketahuilah bagaimana kita juga dapat melakukan perkara yang sama. Sekiranya kita tidak bercadang untuk bekerja keras sepanjang hayat, bacalah buku ini. Pilihlah untuk bersara semasa usia muda sebagai orang kaya.

Robert T. Kiyosaki mencabar dan mengubah cara puluhan juta manusia berfikir tentang wang. Beliau sering membawa pandangan yang bertentangan dengan amalan lazim, sehingga beliau terkenal sebagai seorang yang berterus-terang, kasar dan berani. Beliau terkenal di seluruh dunia sebagai pejuang pendidikan kewangan.

Buku ini banyak memfokuskan berkenaan *leverage*. Ada pelbagai jenis *leverage*

diterangkan dalam buku ini, **Leverege Minda, Leverage Perancangan, Leverage Tindakan dan Leverage langkah Pertama.**

Leverage Minda

Bahagian ini adalah bahagian terpenting dalam buku ini. Bahagian ini kita mengenal pasti mengapa wang tidak menjadikan kita kaya. Menerusi bahagian ini, kita mengenal pasti yang leverage terkuat dalam dunia ini, iaitu minda kita, mempunyai kuasa bagi menjadikan kita kaya ataupun miskin. Sebagaimana seseorang dapat memanfaatkan, menyalahgunakan, ataupun takut kuasa leverage hutang, perkara yang sama juga berlaku bagi minda, leverage terkuat kita ada.

Leverage Perancangan

Pelaburan adalah perancangan. Bagi memastikan penulis dapat bersara ketika usia muda, beliau perlu mempunyai perancangan. Perancangan bermula dengan kosong, kerana dahulu beliau tidak mempunyai apa-apa. Perancangan itu mempunyai penghujungnya atau jalan keluar dan juga had masa. Had masa yang beliau tetapkan adalah 10 tahun ataupun kurang. Secara keseluruhan, beliau memerlukan 9 tahun sebelum dapat bersara pada tahun 1994. Ketika itu beliau berusia 47 tahun.

Leverage Tindakan

Realitinya, kurang daripada lima peratus orang Amerika yang hidup kaya raya, kerana 95 peratus populasi mungkin berhasrat hendak menjadi kaya, namun hanya lima peratus yang bertindak sedemikian. Manusia lebih banyak belajar daripada kesilapan. Maka tidak hairanlah hanya lima peratus populasi di Amerika yang menjadi kaya. Sekiranya kita lihat kepada beberapa orang terkaya di dunia, seperti Bill Gates, Michael Dell, Ted Turner, Henry Ford, Thomas Edison, kesemua mereka tidak menamatkan persekolahan. Apa yang penulis cuba katakan adalah kadangkala, apabila hendak berjaya kita perlu belajar tidak melakukan apa yang kita disuruh lakukan. Sekiranya kita hendak menjadi seorang yang lebih berjaya, kita perlu belajar berhadapan dengan rasa takut berbuat salah, rasa takut gagal dan rasa takut dimalukan.

Lverage langkah Pertama

Kebanyakan orang bermimpi untuk hidup dalam dunia orang kaya. Namun, mereka

tidak mengambil langkah pertama, iaitu membuat keputusan. Apabila kita sudah membuat keputusan, dan sekiranya kita benar-benar yakin dengan keputusan kita, tidak ada jalan berpatah balik. Pada ketika itu membuat keputusan, semua perkara dalam dunia kita akan berubah.

Kisah Robert menggunakan pengaruh untuk menjadi kaya dan bersara awal benar-benar memberi inspirasi dan membuatkan pembaca menghormati perkataan berkuasa ini. Buku ini juga menjelaskan mengapa "minda seseorang adalah bentuk yang paling memanfaatkan ". Pembaca benar-benar percaya kenyataan itu.

Pembaca telah banyak dihidangkan dengan kebanyakan buku-buku dalam Siri "Rich Dad" dan mula menjadi agak biasa dengan semua ajaran "Rich Dad" serta nasihat Robert, buku ini banyak memberi tumpuan kepada perkataan dan tema yang berbeza untuk menggambarkan keseluruhan kandungan dalam buku ini.

Perbezaan yang menjadikan *Retire Young Retire Rich* buku khusus untuk pembaca adalah memanfaatkan pengurusan kewangan yang bijak selain memberi tumpuan kepada aliran tunai.

Secara keseluruhannya, buku ini adalah disyorkan kepada mereka yang ingin belajar kuasa menakjubkan, memanfaatkan dan bagaimana untuk mempunyai keuntungan dalam membina kejayaan dalam perniagaan atau pelaburan.


Pengulas:

Mohd Izani Che Jaafar

Penolong Pengarah
Pusat Maklumat Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



HAMMAD, SA'ID
Sihat dengan minyak zaitun berserta resepi-resepi pilihan

Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2013.
130ms.

ISBN 978-967-0268-79-8

ULASAN

Buku ini membincangkan mengenai hidup sihat dengan minyak zaitun. Penulisan mudah difahami kerana bahasanya yang ringkas dan tepat serta dibantu dengan beberapa ilustrasi berkaitan yang jelas bagi membantu penerangan. Buku ini disusun kepada empat (4) bahagian iaitu Bahagian 1 (Minyak zaitun dalam al-Quran dan sunnah nabi), Bahagian 2 (Minyak zaitun), Bahagian 3 (Dunia juga mengakuinya) dan Bahagian 4 (Sihat dengan minyak zaitun).

Pengarang memfokuskan mengenai kelebihan minyak zaitun yang telah termaktub dalam al-Quran dan sunnah nabi sebagai buah yang penuh keberkatan. Allah telah bersumpah dengan nama zaitun dan memuji pohon zaitun dalam beberapa firmanya dengan menyatakan zaitun bersamaan dengan sederet nikmat yang telah dikurniakan kepada umatnya. Pohon zaitun adalah pohon yang rendang. Setiap bahagiannya bermanfaat bagi manusia; minyaknya, batangnya, daunnya dan buahnya.

Pembaca disajikan mengenai sejarah, pengenalan, kandungan, ciri-ciri, jenis dan nutrisi zaitun. Bukti sejarah menunjukkan bahawa Syria adalah tempat pertamanya tumbuhnya zaitun sekitar 6,000 tahun sebelum bangsa Semit. Minyak Zaitun terdiri daripada unsur minyak yang dinamakan *glyceraldehyde* (Ester) dengan peratusan 97% dan unsur minyak lain. Minyak zaitun mengandungi pelbagai vitamin seperti vitamin A,B dan C, unsur pewarna serta berbagai unsur aromatik yang memberi aroma dan rasa yang khas di samping mengandungi sebilangan kecil mineral, koloid, resin dan air. Minyak zaitun dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Minyak Zaitun Virgin, Minyak Zaitun Suling dan Minyak Zaitun Murni. Pelbagai nutrisi boleh diperolehi melalui minyak zaitun kerana setiap 100 gram Zaitun mengandungi 90 gr protein, 61 mg kalsium, 22 mg magnesium, 17 mg fosfor, 3-30 mg vitamin K, 36 mg klorin, 4.4 gr serat, 180 mikrogram beta karotin, 1 mg besi, 0.22 mg tembaga dan sedikit vitamin B.

Khasiat minyak zaitun telah diiktiraf oleh dunia barat dan timur. Ini terbukti apabila penulis menunjukkan pelbagai penemuan mengenai minyak zaitun dalam bab 3. Penemuan ini diterima baik oleh golongan perubatan dan nutrisi makanan di dunia. Penulis turut berkongsi pelbagai resepi popular minyak zaitun sebagai rawatan alternatif yang diwariskan nenek moyang kepada generasi baru. Para ilmuan nutrisi dan para doktor telah sepakat sebilangan perkara positif berhubung peranan minyak zaitun dalam menyembuhkan pelbagai penyakit jika dicampur dengan tumbuhan lain seperti bawang putih, selasih, buah pala, bawang, button hijau dan tanaman juniper.

Buku ini adalah buku yang amat bermanfaat dan berguna dalam meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai khasiat minyak zaitun. Adalah diharapkan bagi sesiapa sahaja yang membaca buku ini akan dapat menyedari dan memahami betapa penting dan berharganya minyak zaitun dalam memberikan kita kehidupan yang sihat.

Pengulas:

Junaidah Rosliy


Penolong Pengarah

Pusat Maklumat Malaysiana

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



BUDI SANTOSO
Sistem imun manusia : mempengaruhi kesihatan manusia

Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2013.

232ms.

ISBN 978-967-0268-41-5

ULASAN

Tubuh manusia adalah ciptaan tuhan paling unik dan kompleks. Terdiri daripada bahagian, sel-sel dan anggota-anggota yang mempunyai fungsi dan kelebihannya tersendiri. Bermula dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Tubuh manusia ini memiliki sistem pertahanannya yang tersendiri dan begitu lengkap. Bermula dari bahagian luar badan hingga sel-sel mikro yang mengalir di dalam badan. Sistem pertahanan ini berfungsi untuk melindungi badan daripada anasir-anasir tidak sihat. Maka, sistem imun manusia ini amat penting dalam mempengaruhi kesihatan dan kestabilan fizikal manusia itu sendiri. Buku ini mengupas topik berkenaan sistem imuniti manusia agar kita lebih memahami fungsi dan kelebihannya. Lebih penting lagi agar kita dapat menjaga dan menguruskan sistem imuniti tubuh badan bagi menjamin kestabilan kesihatan sama ada mental atau fizikal

Tubuh manusia dan sistem imun menjelaskan bahawa kulit berperanan sebagai sistem pertahanan tubuh badan manusia. Sel-sel mikroorganisma yang hendak mengganggu

dan menyerang tubuh harus melumpuhkan sistem pertahanan utama yang dibina oleh kulit. Salah satu fungsi utama kulit adalah sebagai penutup atau pembungkus seluruh tubuh manusia. Ia juga melindungi tubuh dari cuaca panas dan sejuk. Keistimewaan kulit adalah kalis air walaupun permukaannya terdapat banyak liang-liang kecil. Kulit terdiri daripada beberapa lapisan yang mempunyai fungsi tertentu seperti lapisan epidermis iaitu lapisan kulit paling luar dan mempunyai empat lapisan iaitu lapisan parut (germinatum), soinosum, granulosum, lucidum dan corneum. Lapisan kulit yang kedua adalah dermis yang empat kali ganda tebal daripada epidermis. Dermis terbahagi kepada papillar dan reticular.

Penulis turut menyentuh isu mekanisma pertahanan dan imun tubuh. Tubuh manusia menjalani tahap-tahap sempurna dari embrio sehingga memiliki sistem imun yang berfungsi penuh. Mekanisma pertahanan dan perlawanan itu yang bermula sejak embrio akan diteruskan melalui pembentukan antibodi tertentu dalam air susu ibu. Sepanjang hidup manusia, perlawanan terhadap sel-sel musuh yang masuk ke dalam tubuh manusia dilakukan secara sistematik oleh antibodi. Menurut gambaran Harun Yahya, jumlah gen dalam tubuh manusia sebenarnya hanya sekitar seratus ribu gen, sedangkan jumlah antibodi mencapai 1,920,000. Entinya, setiap gen memiliki kemampuan mengeluarkan antibodi sebanyak sepuluh kali ganda daripada jumlahnya.

Selain itu, buku ini juga membincangkan organ tubuh yang terlibat dalam sistem imun. Prinsip sistem imun tubuh bekerja secara berkesan pada fungsi sel yang bertanggungjawab memproses penggumpalan dan secara aktif melawan ancaman dan serangan penyakit. Sumsum tulang adalah pengeluar penting pelbagai jenis sel yang berbeza. Timus pula tempat limfosit menerima dan mengenali sel-sel dan ciri-ciri sel tubuh. Dengan demikian limfosit dapat mengetahui atau mengenali identiti sel-sel dalam tubuh. Manakala limpa pula dikenali sebagai organ tubuh yang memiliki fungsi serbaguna dan berfungsi menghancurkan sel-sel darah merah. Menurut Harun Yahya, limpa mempunyai makrofaj atau sel pembersih yang menelan dan mencernakan sel-sel darah merah dan sel darah lain yang rosak dan tua serta bahan-bahan lain yang dibawa darah ke limpa.

Penulis juga membicarakan mengenai imun tubuh anak di mana kanak-kanak akan

diberi pelbagai jenis vaksin untuk mempertingkatkan imun tubuh. Antara jenis-jenis imunisasi adalah BCG, DPT, polio, campak, hepatitis B dan sebagainya. Selain itu, buku ini turut mebincangkan imun tubuh orang dewasa. Golongan dewasa sama juga seperti kanak-kanak yang memerlukan daya tahan tubuh dan berlindung daripada pelbagai virus yang akan menyebabkan beberapa penyakit. Jenis imunisasi yang dicadangkan adalah hepatitis A, hepatitis B, demam kepialu, rabies, influenza dan lain-lain lagi.


Buku ini diolah dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan tidak terlalu banyak menggunakan istilah saintifik yang kadang kala mengelirukan pembaca. Pembaca yang tidak mempunyai latar belakang bidang sains pasti akan meminati buku ini dan banyak maklumat yang berkaitan dengan sistem imun manusia yang boleh dipelajari dalam usaha kita menjaga kesihatan.

Pengulas:

Yazid Ibrahim
Penolong Pengarah
Pusat Maklumat Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MARDIANA MAT ISHAK
Super woman

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2013. 347ms.
ISBN 978-967-411-058-1

ULASAN

Masyarakat di Malaysia pada masa kini sudah semakin terbuka mengenai kehadiran wanita dalam dunia kerjaya. Ilmu dan kepakaran wanita didambakan bagi memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat sekarang. Namun, di samping kecemerlangan dalam kerjaya, fokus utama wanita adalah tanggungjawab pada keluarga masing-masing. Bagi mengimbangi antara tugas di pejabat dan di rumah, kaum wanita seharusnya mempunyai ilmu dan kemahiran agar kedua-duanya dapat diuruskan dengan sempurna. Penghasilan buku *Super woman* karya Mardiana Mat Ishak dapat dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan kepada para wanita khususnya kepada wanita berkerjaya masa kini yang sarat dengan tanggungjawab pada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Hasil pengalaman beliau yang berkahwin pada usia muda dan juga inspirasi daripada individu-individu tertentu telah membawa kepada tercetusnya ilham untuk menghasilkan buku ini. Di samping itu, penulis turut menggunakan buku-buku dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab serta sumber atas talian sebagai sumber rujukan beliau.

Penulis membahagikan isi kandungan buku yang terangkum dalam bidang pengurusan ini kepada empat bahagian utama iaitu Wanita Sukses dan Tanggungjawab Serentak, Setiap Wanita adalah Wanita Super dan Kita adalah Wanita Super, 7 Langkah Menyeimbangkan antara Rumah Tangga dan Kerjaya serta Muhasabah dan Senarai Semak. Penyampaian penulisan buku ini lebih menonjol dari sisi deskriptif dan analisis kerana beliau banyak memberi contoh dan pendedahan melalui jadual dan rajah bagi menyampaikan mesej dalam setiap bab mahu pun bahagian.

Dari segi penyusunan dan penekanan idea, fokus buku ini adalah mengenai peranan wanita super dan wanita berkerjaya secara menyeluruh. Ini meliputi sejarah kedudukan wanita pada zaman dahulu dan juga kedudukan wanita dari sudut pandangan pelbagai agama. Di samping itu, bahagian ini turut diselitkan dengan cara-cara untuk mengenali diri wanita super dan juga manual pengurusan harian yang dipersembahkan dengan kreatif melalui teknik Tulang Ikan. Pendekatan untuk memartabatkan wanita dari sudut Islam telah diketengahkan dengan kupasan wanita super sebagai muslimah super yang pastinya akan menjadi satu kunci buat semua wanita bagi menjadikan diri mereka lebih berdaya saing.

Wanita sering dikaitkan dengan kecantikan luaran dan dalaman. Setiap wanita menginginkan fizikal yang menarik dan peribadi yang unggul. Oleh itu, penulis telah mengemukakan pelbagai isu dan contoh berkenaan pemantapan jati diri sebagai seorang wanita super. Ianya meliputi aspek tanggungjawab yang perlu dipikul, strategi meningkatkan keyakinan dan motivasi dalam diri wanita, mengawal tekanan serta pelaksanaan cita-cita dan impian. Wanita yang berperanan sebagai isteri, ibu, anak, pekerja dan sebagainya mempunyai tanggungjawab yang amat besar. Namun, kaum wanita mempunyai kelebihan dan kemampuan untuk menjalankan peranan tersebut. Bagi menangani isu berkenaan, penulis telah mencadangkan supaya para wanita super memahami dan mengetahui skala keutamaan untuk setiap perkara yang dilakukan seharian supaya tugas-tugas yang perlu dijalankan akan menjadi lebih tersusun.

Langkah untuk menyeimbangkan antara rumah tangga dan kerjaya telah ditekankan oleh penulis dalam bahagian ketiga buku ini. Penulis membentangkan tujuh langkah penting yang boleh diaplikasikan supaya keperluan keluarga dan kerjaya dapat

dipenuhi sebaiknya. Bahagian terakhir buku dimuatkan dengan senarai semak bagi kaum wanita untuk memperkuuhkan keyakinan dan semangat sejahtera dengan gelaran muslimah super. Secara keseluruhannya, buku ini sememangnya memberikan satu nafas baru kepada wanita masa kini dalam memenuhi tuntutan dan tanggungjawab pada agama, keluarga dan masyarakat.

Pengulas:

Zaimatul Ahlam Talhah

Penolong Pengarah
Pusat Maklumat Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MOHD RAZALI KAMARUDIN

Tip belajar tanpa stres

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2013. 232ms.

ISBN 978-967-411-090-1

ULASAN

Buku ini bertemakan motivasi dan pendidikan di mana ia dikhurasukan untuk golongan pelajar yang menghadapi tekanan semasa proses pembelajaran. Penulis menjadikan pengalaman beliau serta tokoh-tokoh terkemuka dalam bidang pendidikan sebagai panduan dalam pengisian tip-tip untuk menangani stres ini. Buku ini ditulis adalah bertujuan untuk berkongsi rahsia dan panduan untuk menangani tekanan di kalangan pelajar yang rata-ratanya terdiri daripada kalangan remaja. Penulis telah membuat kajian secara terperinci dan mendalam dalam isu ini apabila mengemukakan contoh-contoh menangani stres yang relevan dalam dunia remaja. Untuk menjadikan buku ini lebih menarik, penulis mengambil inisiatif dengan membuat kajian pada buku-buku tulisan penulis terkemuka lainnya dalam bidang motivasi ini.

Hadis-hadis sahih dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi penulis. Elemen sains juga diterapkan dalam penulisan buku ini. Ini adalah penting kerana agama dan sains memang mempunyai persamaan. Antara kaedah sains yang digunakan adalah penulis

menerangkan bagaimana otak seseorang pelajar itu berfungsi. Terdapat pelbagai alternatif yang digunakan bagi membantu golongan remaja ini untuk memotivasi diri mereka, antaranya ialah dengan menyediakan peta konsep, dan juga jadual bagi aktiviti sehari-hari yang harus dilakukan oleh seorang pelajar.

Selain itu, penulis menekankan bahawa agama merupakan kunci kepada cara menangani stres. Setelah seseorang remaja mengikuti tip-tip yang dikemukakan oleh penulis, golongan ini haruslah menjaga amalan mereka sehari-harian.

Melalui tip-tip yang dikemukakan, penulis berjaya menarik perhatian golongan remaja khususnya, malah golongan yang lebih dewasa amnya bagi menangani tekanan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ini adalah kerana, gaya bahasa yang digunakan dalam penulisan buku ini amat mudah difahami dan amat menarik minat pembaca untuk mengetahui kesudahan buku setebal 232 halaman ini. Buku ini bersifat ilmiah dan lebih berat kepada psikologi.

Pengisian buku ini memberi impak yang amat baik untuk pembaca. Rumusan yang dibuat memberi kesan positif malah dapat menangani stres bagi golongan pelajar. Selain daripada pengisian, penulis juga berkongsi kaedah dan cara mudah yang dapat dipraktikkan oleh remaja dalam proses menangani tekanan. Antara kaedah-kaedah yang digunakan ialah borang-borang dan jadual yang juga dilampirkan dalam halaman buku ini. Ini menjadikan pembaca mudah untuk mengaplikasikan kaedah-kaedah yang diberi.

Secara kesimpulannya, soal sebelum, semasa, dan sesudah dalam setiap tindakan yang dilakukan oleh seorang pelajar dalam proses pembelajaran adalah kunci kepada kejayaan seseorang pelajar itu. Tekanan harus dihadapi dengan positif kerana ia merupakan ujian dari ALLAH SWT. Sentiasa berfikiran positif, kerana ia merupakan kunci kepada setiap kejayaan. InsyaALLAH.

Pengulas:

Norhamiza Mohamad Hanopiah


Penolong Pengarah

Pusat Maklumat Malaysiana

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ABDUL LATIP TALIB DAN NORAZLINAWATI YAAKOB
Wira kemerdekaan

Batu Caves, Selangor : PTS Litera Utama, 2013.
228ms.
ISBN 978-967-408-159-1

ULASAN

Buku ini merupakan sebuah karya fiksyen sejarah yang mengisahkan seorang warga emas bernama Pak Rahman, seorang pejuang kemerdekaan, yang tidak tercatat namanya dalam lembaran sejarah Malaysia, yang pernah hidup pada zaman pemerintahan komunis di Tanah Melayu, pulang ke tanah air setelah 50 tahun merantau keluar negara (England).

Kalau diikutkan, ramai anak-anak muda sekarang, kurang dan tidak meminati sejarah. Namun berdasarkan pengalaman, penulis cuba membangkitkan semangat patriotisme dan cintakan sejarah negara kepada masyarakat. Mesej disampaikan secara santai dengan penerapan nilai-nilai murni, keagamaan dan kepahlawanan Melayu.

Watak Pak Rahman digambarkan sebagai seorang perwira yang menentang keganasan

komunis di Tanah Melayu. Pak Rahman telah berjaya menumpaskan puluhan komunis yang menyerang kampungnya. Beliau diisyihar sebagai musuh utama komunis dan diburu sehingga memaksa beliau lari ke luar negara untuk menyelamatkan nyawanya.

Setelah puluhan tahun hidup merantau di Kota London, Pak Rahman akhirnya kembali ke kampung halaman yang dirindunya untuk menghabiskan sisa hidupnya berbakti kepada tanah air semula terutama kepada penduduk kampungnya. Namun, kepulangannya tidak diraikan oleh sesiapa. Tiada siapa pun yang mengenali dirinya yang telah tua dimamah usia, dan kemunculan beliau secara tiba-tiba di Kampung Lukut menggemparkan orang kampung sehingga timbul tohmahan yang beliau adalah bekas banduan dan tidak kurang juga menganggap beliau sebagai pendaatang asing. Tambahan pula Pak Rahman sengaja merahsiakan identitinya atas sebab-sebab keselamatan dirinya. Tetapi sedikit demi sedikit akhirnya orang kampung tahu siapa orang tua yang mereka curigakan selama ini.

Kehebatan Pak Rahman semakin tersebar atas sifat beliau yang terpuji. Terlalu banyak budi yang ditabur dan terlalu banyak wang yang dilabur untuk membantu penduduk kampung. Kehadirannya juga membawa perubahan yang besar untuk penduduk kampung. Masjid yang sepi diimarahkan dan tanah yang terbiar diusahakan. Pemuda kampung yang asyik melepak di warung kopi juga diberi peluang untuk bekerja dengan Pak Rahman.

Kebaikan beliau sangat menyentuh hati, sehingga Kudin, yang merupakan musuh ketat beliau dahulu bertukar menjadi sahabat yang paling kuat mempertahankan beliau. Pak Rahman menjadi wira yang disanjungi dan dikagumi oleh penduduk kampungnya. Kisah ini amat sesuai untuk tatapan generasi pasca merdeka bagi membangkitkan semangat kebangsaan melalui kisah perjuangan yang penuh warna-warni bagi mencapai kejayaan.

Pengulas:

Kalthom Kassim

Penolong Pegawai Perpustakaan
Pusat Manuskrip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



RAHIMAH GHAZALI
313 kod rahnia guru super
Batu Caves, Selangor : Must Read, 2013. 130ms.
ISBN 978-967-0392-35-6

Kerjaya guru pada alaf ini menuntut kebijaksanaan dan kesediaan seseorang guru bagi memenuhi tuntutan semasa dan berupaya menghadapi segala bentuk cabaran yang dihadapi. Buku ini perlu dibaca oleh semua insan yang bergelar guru, ia merupakan panduan lengkap bagi memotivasi guru yang berlitzam dalam proses meningkatkan profesion serta mengubah diri untuk menjadi guru super. Penulisan berdasarkan pengalaman pendidikan lebih 30 tahun seorang insan bergelar 'Cikgu'. Buku ini dapat dijadikan garis panduan oleh warga pendidik untuk mencapai prestasi cemerlang dan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan serta mengaplikasikannya secara berkesan. Selain itu, dapat memberikan jawapan kepada bagaimana untuk mengatasi masalah, mengenal pasti cara-cara terbaik dalam melaksanakan sesuatu tugas, menghadapi cabaran pembelajaran murid dan mencari ruang keseronokan bekerja sebagai seorang guru.

SINOPSIS BUKU




MOHD. JASNI
KHAIRUDDIN
7 asas emas

Pajam, Negeri Sembilan :
Mohd. Jasni Khairuddin,
2013. 47ms.
ISBN 978-967-11659-0-4

Buku ini merupakan asas kepada mereka yang ingin berjinak-jinak dengan dunia emas dan berhasrat untuk menerokainya sebagai hasil yang lumayan. *7 Asas Emas* ini merupakan bab-bab yang dibahagikan kepada 7 bahagian iaitu perihal, kegunaan, bentuk fizikal, emas dunia, ketulenan emas, kelebihan emas dan simpanan atau pelaburan berunsurkan emas. Tambahan kepada konsep emas ini juga, penulis menyelitkan bab bonus iaitu garis masa dan fakta mengenai emas. Susur galur emas ini dijelaskan melalui ilustrasi foto, jadual dan gambarajah berwarna yang dipetik dari sumber laman sesawang yang dilengkapi dengan fakta-fakta berkaitannya. Sesungguhnya nilai emas semakin mendapat pasaran yang tinggi sejak berkurun lamanya dan mendapat tempat bukan sahaja sebagai simpanan malahan pelaburan pada masa akan datang. Bahasa dan penerangan yang mudah serta disokong dengan ilustrasi yang menarik bukan sahaja memudahkan pemahaman malahan akan memberi ilmu yang bermanfaat kepada pembacanya. Ketiadaan mukasurat adalah disengajakan oleh penulis bagi membolehkan pembaca mencari dan mengetahui sendiri apa yang ingin diketahuinya dari setiap muka surat yang diselak.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



KAMARUDIN NGAH DAN
JAMALUDIN MUSTAFFA
**Ahli Majlis dan Kerajaan
Tempatan**

Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2013.
217ms.
ISBN 978-983-46-0939-9

Buku ini jelas menampakkan kemampuan dalam menjelaskan konsep pihak berkuasa tempatan dalam tadbir urus pembangunan di Malaysia. Secara nyata ia memberi penerangan mengenai asas dan konsep berhubung ahli-ahli majlis yang dilantik dan tanggungjawab yang dimainkan secara khusus oleh kerajaan tempatan. Buku ini amat sesuai dijadikan panduan dan rujukan kepada Ahli Majlis di bawah Pihak Berkuasa Tempatan yang tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan lain-lain sumber peruntukan dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Secara terperinci setiap penerangan dijelaskan dengan fakta, jadual, ilustrasi dan akta-akta yang berkaitan bagi memperkuuhkan setiap pelaksanaan yang dibuat. Setiap pembaca warga Malaysia patut menjadikan buku ini sebagai asas pemahaman tentang bagaimana pihak berkuasa tempatan berfungsi demi memantapkan daerah pentadbiran masing-masing. Segalanya mengenai struktur demografik dalam garis lingkungan kerajaan tempatan turut menampilkan komposisi yang berpadanan antara ahli-ahli majlis dengan corak tadbir urus yang semakin kompleks serta mempunyai keunikannya tersendiri.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




PAHROL MOHAMAD JUOI
DAN HUSNA HASSAN
**Angguk geleng :
himpunan kisah dakwah
satira**

Kuala Lumpur : Telaga Biru,
2013. 258ms.
ISBN 978-967-388-124-6

Manusia tidak suka digesa apalagi dipaksa. Alpanya tidak boleh dikejutkan dengan kasar. Egonya tidak boleh diterjah dengan bersemuka. Manusia suka dipujuk, dibelai dan diajak kepada kebaikan dengan lunak dan kasih sayang. Biar dia tidak sedar betapa hati, fikiran dan emosinya diundang ke daerah kebaikan menerusi pendekatan yang mudah, ceria malah tidak menekan. Buku ini, insya-Allah akan menyebabkan kita rasa bersalah tanpa terasa dipersalahkan. Buku ini wajar dimiliki oleh segenap lapisan masyarakat kerana memaparkan kisah-kisah yang dapat memberi kesedaran jiwa dan minda. Paparan kisah dalam keadaan yang bersahaja tetapi mampu membuat kita mengangguk, mengiyakan kebenaran. Paparan kisah yang mampu menyentak kotak fikiran sehingga kita menggeleng, mengakui kita sebahagian daripada kisah yang dipersembahkan, dan menyajikan kisah-kisah yang boleh dijadikan teladan dalam kehidupan seharian. Terdapat pengajaran di sebalik cerita yang disampaikan.


SINOPSIS BUKU



OTHMAN TALIN
**Asas penulisan tesis
penyelidikan & statistik**
Serdang, Selangor :
Penerbit Universiti Putra
Malaysia, 2013. 272ms.
ISBN 978-967-344-335-2

Asas Penulisan Tesis, Penyelidikan dan Statistik ini secara langsung memfokuskan berkaitan panduan praktikal bagi penulisan sesebuah tesis. Penulis telah menggunakan pengalaman beliau dalam mengendalikan bengkel penulisan tesis di hampir semua IPTA di Malaysia untuk dikongsikan dengan para pembaca. Terdapat 10 bab yang menggabungkan persediaan menyiapkan cadangan penyelidikan (proposal), menjalankan kajian sehingga kaedah memahami asas statistik dalam penyelidikan sains sosial. Kekuatan buku ini adalah berdasarkan penjelasan yang diberikan secara mudah berserta dengan contoh yang praktikal. Huraian berserta contoh penulisan sorotan kajian secara kritis yang selama ini menjadi masalah kepada pelajar yang menulis tesis, projek mahu pun disertasi turut dikemukakan. Berdasarkan tujuan buku ini ditulis, pelajar siswazah serta penyelidik muda yang menjalankan penyelidikan sains sosial harus memiliki buku ini untuk dijadikan sumber rujukan.

SINOPSIS BUKU




MUHAMMAD MUSTAQIM
MOHD ZARIF
**Braille al-Quran : sejarah
dan kaedah**
Nilai, Negeri Sembilan :
Penerbit USIM, 2013.
179ms.
ISBN 978-967-440-005-7

Buku ini membincangkan mengenai Braille al-Quran dalam konteks Malaysia khususnya dari aspek sejarah, kaedah, amalan dan senario pada masa kini. Perbandingan dengan beberapa mashaf Braille terbitan negara Islam lain turut dilakukan dari aspek sejarah, kaedah dan format penulisan. Ia bertujuan memenuhi kelompongan ilmu yang terdapat dalam bidang Braille al-Quran dan ditulis dengan gaya bahasa, persembahan dan kandungan ilmiah yang mudah dan menarik. Penulis berharap buku ini dapat memberikan kefahaman kepada semua golongan masyarakat, terhadap Braille al-Quran yang seterusnya akan membawa kepada perkembangannya yang lebih cerah pada masa depan. Pemahaman penulisan Braille menjadi langkah pertama ke arah mengeratkan hubungan dan kerjasama, terutama dalam konteks penghayatan dan pengalaman agama yang bermula dengan pembacaan al-Quran yang betul dan sempurna.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




TENG, ANGELINE

Career & family : the art of having it all : a simple and practical guide for working mothers to achieve success and sanity

Petaling Jaya : TrueWealth,
2013. 138ms.
ISBN 978-967-416-016-6

Which should you choose, career or family or both? For some mothers, working full-time and raising a family is a breeze. For the rest of us, we struggle and are stressed and frazzled. There are lots of ideas and also hope as well as inspiration for working mothers to give the best for their career and family. The author also shares some exciting tips on how to juggle between career and family. This book also will help readers to understand their struggles between career and priorities are not unique. In a nutshell, this book can be regarded as a practical guide for working mothers to achieve success and sanity in their family and life.


SINOPSIS BUKU



CHEW, FONG PENG
Cerpen dan perpaduan nasional
Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2013.
211ms.
ISBN 978-983-100-561-3

Pertalian antara cerpen dan perpaduan nasional dari sudut kesusasteraan Melayu menjadi tarikan kepada Chew Fong Peng untuk menulis mengenainya. Menjelaskan mengenai peranan dan kesan sastera kebangsaan dalam menyatukan masyarakat sesebuah negara. Mengambil 83 buah cerpen yang mengandungi tema umum dan khusus yang berkaitan dengan perpaduan antaranya tema cinta antara etnik, perkahwinan antara etnik, persahabatan, kejiranian, kemanusiaan, tolong-menolong, nasionalisme, kesetiaan kepada tanah air, karisma kepimpinan, nilai luhur, dan budaya kebangsaan yang dihuraikan secara deskriptif melalui Teori Pencerminan Lukacs. Kajian dan analisis yang dibuat oleh penulis menunjukkan bahawa cerpen dapat membantu dalam pembentukan perpaduan di Malaysia. Keputusan kajian yang dibuat oleh penulis telah dikongsi di mana kepelbagaiannya cadangan bagi mengukuhkan hubungan muhibbah masyarakat melalui sastera kebangsaan turut dimuatkan dalam buku ini.


SINOPSIS BUKU



ISMAIL SAIDIN
Dalam dusun Melayu
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
332ms.
ISBN 978-983-46-0767-8

Buku ini menerangkan tentang jenis tanaman buah-buahan tempatan yang menjadi pilihan orang Melayu. Jenis buah-buahan yang terdapat dalam buku ini adalah buah-buahan tempatan sama ada yang mudah ditemui serta jarang ditemui masa kini. Terdapat juga buah-buahan dari luar yang telah sebatи dengan masyarakat Melayu sebagai buah-buahan tempatan. Buku ini memaparkan nama buah-buahan secara saintifik dan juga dalam bahasa Melayu. Huraian spesis buah-buahan disusun secara berabjad dan nama saintifik. Terdapat huraian ringkas setiap jenis buah-buahan beserta dengan gambar untuk memudahkan pembaca mengenali spesis buah. Buku ini amat sesuai sebagai rujukan pelajar dan pengkaji dalam bidang hortikultur dan botani serta kepada mereka yang berminat dalam usaha pelestarian kepelbagaian biologi, alam sekitar dan tanaman.

SINOPSIS BUKU



E.E.C. THURAISINGHAM
A Malaysian Patriot

Joseph M. Fernando
Zulkarnain Abdul Rahman
Abdullah Zakaria Ghazali


FERNANDO, JOSEPH M.
**E.E.C Thuraisingham : a
Malaysian patriot**

Kuala Lumpur : University of
Malaysia Press, 2013. 90p.
ISBN 978-983-100-567-5

This book is about a leading but relatively lesser known Malaysian political leader who contributed considerably to nation-building during a formative period of the country's history. Dato' Sir Ernest Emmanuel Clough Thuraisingham, was a lawyer and social activist in then Malaya. He played a prominent role in shaping the political and socio-economic landscape of the Federation of Malaya and, later, the Federation of Malaysia. An influential figure in the country's pre-independence administration between 1948 and 1955, he was also a leader of a small but influential and vibrant Ceylonese community. This book is a modest attempt to record the contributions of this important figure to nation-building in this country.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



MOHD JOHARI AB. HAMID
DAN HAMZAH LASA
Estetika seni visual
Tanjung Malim, Perak :
Penerbit Universiti
Pendidikan Sultan Idris,
2013. 199ms.
ISBN 978-967-0480-09-1

Umum mengetahui bahawa terdapat pelbagai cabang seni di dunia ini yang menjadi wadah pembangunan intelek, sumber estetika dan pencorak gaya hidup masyarakat, yang mana salah satu cabang seni ialah seni visual. Perbincangan mengenai kepentingan pendidikan seni visual dalam kehidupan harian turut dimuatkan di dalam buku ini. Selain itu seni akuarium yang jarang didengari dan diketahui umum telah menjadi satu topik yang diberi perhatian oleh penulis untuk tatapan pembaca. Apresiasi masyarakat terhadap seni menjadi tugas dan peranan penggerak seni untuk memberi penjelasan kepada umum supaya pemahaman dan penghayatan seni dapat disampaikan dengan sempurna. Proses pembelajaran seni terhadap pelajar hendaklah diakhiri dengan refleksi dan apresiasi supaya guru dapat mengenal pasti dan memperbaiki kelemahan mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Buku ini sesuai untuk guru seni visual dan penggiat seni serta masyarakat umum.

SINOPSIS BUKU



Gagasan 1Malaysia : isu dan cabaran


Kota Kinabalu : Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2013. 150ms.

ISBN 978-967-0521-04-6

Buku ini menghimpunkan eseи-eseи terpilih berkaitan 1Malaysia dan analisis pelbagai perkara yang dikupas daripada pelbagai perspektif secara jitu dan mantap. Namun ianya tidak menolak secara dangkal tentang setiap aspek yang ingin diketengahkan oleh para penulisnya mengenai perspektif Islam, al-Wasatiyyah, perpaduan, agen perubahan politik Malaysia, analisis kumpulan sasar, perpaduan IPT dan kajian kes komunikasi di sekolah menengah. Setiap elemen yang dihujahkan jelas mengusulkan kemantapan gagasan 1Malaysia dalam subjek yang dipaparkan demi memberi pencerahan kepada masyarakat tentang apa itu 1Malaysia yang direalisasikan oleh Perdana Menteri YAB. Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak pada suku tahun 2009. Sejurnya pengolahan buku ini secara total menepati matlamatnya yakni membimbing masyarakat Malaysia ke arah memahami dasar-dasar kerajaan demi kesejahteraan rakyat di zaman globalisasi kini. Fakta berserta rujukan yang mantap bagi setiap rencana yang dihasilkan jelas membincangkan segala isu dan cabaran berkaitan 1Malaysia digarap dengan berkesan. Pembaca mudah memahami buku ini walaupun sedikit intipati ilmiah namun ianya adalah sesuatu yang dapat mengajak kita berfikir secara rasional.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ABU BAKAR HAMID,
JOSEPH, K.T DAN AZIZAH
HAMZAH


**Hashim Yaacob : mestika
embun : insan seribu
upaya**

Kuala Lumpur : Utusan
Publications & Distributors,
2013. 450ms.
ISBN 978-967-61-2634-4

Dato' Profesor Dr. Hashim bin Yaacob merupakan seorang pendidik terkemuka dan merupakan salah seorang Ketua Pentadbir Universiti yang handal dan produktif. Beliau merupakan Naib Canselor ke-8 Universiti Malaya, digariskan oleh para sahabat dan taulan seorang yang santun dan bijak dalam tutur kata dan sikapnya. Selain sebagai profesor patologi oral, beliau seorang pemimpin dan pentadbir akademik yang cekap serta seorang pemikir yang ulung. Buku ini dihasilkan sebagai rakaman ingatan mengenai Dato' Profesor Dr. Hashim bin Yaacob oleh para rakan, ahli akademik, serta bekas pelajar yang mewakili pelbagai perspektif dan tema. Buku ini juga memaparkan pencapaian-pencapaian beliau yang membuktikan ketokohan beliau dalam pelbagai aspek. Pembicaraan perihal tokoh ini memperlihatkan keistimewaananya sebagai sarjana, naib canselor, penyair, pengamal budaya rakyat, pelukis serta personaliti media. Buku ini sesuai untuk dihayati dan diterapkan dalam kehidupan harian bagi memahatkan jiwa anak bangsa dalam diri masyarakat Melayu.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



AZIZI ALI
How to become a property millionaire : the ultimate guide on how to make lots of money from property investment
Petaling Jaya : TrueWealth,
2013. 235p.
ISBN 978-967-416-028-9

Properties have been one of the time tested wealth building vehicles throughout the ages. It has been the finest source of passive income for hundreds of years. At the same time, it is more than just a matter of buying and selling. This book a follow up to *How to Become a Millionaire Landlord*, and updated with the latest information and data, guides you on what to do, how to do, when to do it and why you must do. It outlines all these in a step-by-step manner for the benefit of property investors. To the author, it is easy to make money from properties and at the same time minimize the errors and work-load. In fact, many new books on property investment have been published. So have many websites specializing in properties been set up together with the emergence of property gurus. All these are positive signs, which are certainly good for the country. All in all, property investment remains a gold mine. Of course, we all want not only to be rich but to remain rich forever. This being the case, it is obvious that we must be flexible enough to adopt new solutions to preserve our wealth even when the environment changes. The principles may remain the same but the strategies may have to be modified to cater for new and often different challenges.

SINOPSIS BUKU




Majalah dalam kelas : guru kreatif pelajar aktif

Batu Pahat, Johor :
Penerbitan MGCM, 2013.
183ms.
ISBN 978-967-10668-3-6

Buku ini menerangkan konsep pengajaran dan pembelajaran secara kreatif dalam arena pengajaran bahasa Melayu bagi menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif. Program Majalah Dalam kelas : Guru Kreatif Pelajar Aktif (MDK GKPA) adalah bersifat dua hala iaitu daripada guru kepada pelajar dan sebaliknya amat berkesan dalam mengubah tingkah laku, membina dan mengembangkan aspek rohani, minda dan jasad pelajar. Proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat dua hala ini menjadikan guru dan pelajar sama-sama aktif ketika melaksanakannya. Melalui kaedah seumpama ini juga, proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih menarik, interaktif, efektif dan menyediakan suasana yang menyenangkan. Proses penerokaan dan penggalian ilmu menjadi semakin mudah dan menyeronokkan. Guru-guru bahasa Melayu yang melalui program MDK GKPA ini yang merangkumi pendekatan didik hibur, apresiasi sastera dan ke arah peperiksaan sebenarnya boleh mendorong pelajar untuk berfikir dan melaksanakan sesuatu tugas secara kritis, kreatif dan inovatif.


SINOPSIS BUKU



Manual pertolongan cemas : manual rasmi Bulan Sabit Merah Malaysia cawangan negeri Johor
Tampoi, Johor : Persatuan Bulan Sabit Merah, 2013.
111ms.
ISBN 978-967-11624-08

Pertolongan cemas merupakan rawatan pertama atau bantuan permulaan yang diberikan kepada pesakit atau mangsa kemalangan sebagai usaha rawatan pertama sebelum ketibaan ambulan atau pakar perubatan. Buku ini memberi pendedahan mengenai ilmu pertolongan cemas agar pembaca dapat memberikan pertolongan cemas dengan baik apabila berlaku sesuatu kemalangan. Pelbagai teknik rawatan kecemasan telah dinyatakan mengikut jenis kecederaan yang dialami kerana setiap kecederaan adalah berbeza cara rawatannya. Buku ini juga turut memuatkan gambar-gambar untuk memudahkan pembaca memahami dan mengikut cara rawatan yang diberikan. Buku ini amat sesuai dibaca oleh semua golongan masyarakat untuk mempelajari cara rawatan kecemasan dengan berkesan dan baik.

SINOPSIS BUKU



ABD. RAHMAN HAJI
IBRAHIM, DATO'
**Mata-mata kini permata :
memoir Dato' Hj. Abd
Rahman : pengurus
eksekutif Kumpulan
Rahman Brothers Sdn.
Bhd.**

Kuala Lumpur : Utusan
Publications & Distributors,
2013. 189ms.
ISBN 978-967-61-2652-8

Dato' Haji Abd. Rahman Haji Ibrahim merupakan di antara ahli perniagaan yang berjaya di Malaysia. Beliau adalah Pengurus Eksekutif Syarikat Kumpulan Rahman Brothers Sdn. Bhd. Memulakan kerjaya sebagai 'mata-mata' atau polis pada tahun 1963 di Singapura. Beliau pernah ditugaskan sebagai pengiring kepada Tun Dr. Mahathir pada ketika itu sebagai Menteri Perdagangan Antrabangsa semasa lawatan rasmi ke Johor Bahru. Dalam pertemuan ringkas itu beliau pernah menyatakan hendak menceburi bidang perniagaan dan Tun Dr. Mahathir menggalakkannya. Minat perniagaan terus membara dengan memberanikan diri menjual pakaian kanak-kanak dan barang plastik di pasar malam selepas waktu bekerja. Beliau meletak jawatan setelah perniagaan menunjukkan kemajuan dan memulakan perniagaan menjual kereta buatan Eropah, Jepun serta dilantik sebagai pengedar kereta Proton. Bagi merancakkan perniagaan, beliau mempelbagaikan perniagaan dengan menceburi bidang pelancongan, hartanah, pembinaan dan pembuatan. Selepas lebih 30 tahun tertumpu pada bidang perniagaan, beliau menuahkan Yayasan Sedhar yang bertujuan menguruskan aktiviti amal kebajikan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




LAILY PAIM ... [et al.]
Membudayakan penggunaan lestari
Kuala Lumpur : MACFEA,
2013. 188ms.
ISBN 978-983-42764-2-3

Buku ini merupakan hasil garapan daripada Modul Pembudayaan Penggunaan Lestari yang dibina khusus untuk Bengkel Penggunaan Lestari di kalangan pelajar IPT. Buku yang berteraskan kecintaan terhadap alam sekitar ini ditulis untuk memberi pendedahan dan pengetahuan tentang penggunaan lestari dan kesannya ke atas kualiti hidup. Selain itu, buku ini juga memberi pemahaman tentang isu dan cabaran dalam mengamalkan penggunaan lestari dan seterusnya menerangkan peranan dan tanggungjawab dalam membudayakan penggunaan lestari. Di samping itu, ia juga mendedahkan pelbagai aspek kelestarian termasuk penggunaan, pengeluaran, tingkah laku pengguna, pengukuran amalan lestari, isu-isu kelestarian dan peranan yang boleh dimainkan oleh pelbagai pihak dalam merealisasikan pembudayaan penggunaan lestari pada masa akan datang.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




PRAJA, DENNY INDRA
The miracles of probiotics. Ed. bahasa Melayu

Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2013.
170ms.
ISBN 978-967-0268-75-0

Buku terjemahan daripada versi bahasa Inggeris ini memaparkan perkembangan dan kemajuan teknologi makanan menggunakan mikroorganisma dalam proses pengolahan serta pembuatannya. Makanan yang dikenali sebagai makanan probiotik dan prebiotik mempunyai banyak manfaat terutamanya berkaitan kesihatan usus. Probiotik adalah bakteria baik yang hidup di dalam usus besar untuk memperbaiki sistem imunisasi dan penghadaman manusia, manakala prebiotik adalah makanan kepada bakteria baik (probiotik) di dalam sistem penghadaman. Tujuan penulisan ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada pembaca tentang jenis makanan probiotik yang sangat bermanfaat untuk kesihatan manusia. Turut diberikan contoh makanan yang dikategorikan sebagai probiotik dan prebiotik misalnya yogurt. Pembaca juga akan dapat mengetahui cara dan proses pembuatan jenis makanan ini dilakukan dan boleh mencuba membuat sendiri di rumah.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




**ABDUL LATIP TALIB
Moyang Salleh : legenda
Jelebu**

Batu Caves, Selangor : PTS Litera Utama, 2013. 188ms.
ISBN 978-967-408-158-4

Buku ini menampilkan aspek epik sejarah benar daerah Jelebu di Negeri Sembilan dengan menampilkan tokoh lagenda Datuk Moyang Salleh di samping empat orang pahlawan handalan beliau. Nyatanya di sini, corak persembahan dan penjelasan mengenai aspek lagenda ini dibentuk dalam susur galur cerita dengan watak-watak dan dialog yang menarik dan diselitkan sifat negarawan yang menuntut hak daripada kerajaan Johor. Secara nyatanya penceritaan buku ini turut memasukkan asal-usul daerah-daerah yang wujud di Negeri Sembilan iaitu Rembau, Johol dan sebagainya secara tidak langsung. Namun begitu apa yang diterapkan melalui pembacaan buku ini adalah menampilkan kegemilangan sifat kepahlawanan Melayu yang unggul demi mempertahankan hak serta berpemerintahan sendiri. Apa yang diharapkan, buku ini jelas mempamerkan satu sumber bacaan yang bersahaja tetapi menarik minat kepada pembacaan seterusnya oleh para penggemar sejarah.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




DAHLIA SYAHRANI MD
YUSOF
**Mudahnya mengemas
rumah!**

Kuala Lumpur : Telaga Biru,
2013. 85ms.
ISBN 978-967-388-123-9

Rumah boleh diumpamakan sebagai syurga untuk kita membina kasih sayang sesama ahli keluarga. Oleh itu, kebersihan rumah harus dititikberatkan agar suasana keluarga yang sihat dan ceria dapat dikecapi. Buku ini diterbitkan dalam usaha membantu para pembaca untuk menjalankan aktiviti mengemas rumah secara mudah. Idea, teknik dan tip yang diketengahkan mampu menarik perhatian serta mudah untuk difahami dan akan dapat membantu sedikit sebanyak para pembaca dalam aspek penjagaan kebersihan rumah. Aspek kebersihan juga tidak hanya tertumpu kepada aktiviti mencuci, menyapu dan mengelap sahaja, malahan teknik dan tip membersihkan perkakasan di dalam rumah juga disertakan. Buku ini sesuai dimiliki oleh golongan bujang, wanita berkerjaya malahan untuk para suami yang ingin membantu isteri di rumah. Jelasnya rumah yang bersih dan kemas akan dapat memberi impak yang besar terhadap proses pendewasaan minda setiap ahli keluarga kita.


SINOPSIS BUKU



KAMARIAH JAMALUDIN
Nostalgia bonda 2
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors,
2013. 100ms.
ISBN 978-967-61-2621-4

Resepi yang mudah dan praktikal untuk mereka yang suka memasak cara ringkas. Menggabungkan 40 resepi lama dan baru turun temurun dari ibu dan rakan penulis yang sedap serta sesuai dihidangkan sama ada pada hari raya atau untuk dimakan sekeluarga. Penulis turut menyelitkan tip atau petua untuk dikongsi bersama pembaca terutamanya kepada pengidap penyakit kolesterol tinggi atau tinggi kandungan gula. Pengisian buku ini bukan sahaja resepi masakan tetapi penulis turut mengimbas dan berkongsi kenangan silam beliau sebagai tatapan pembaca. Menampilkan gambar juadah yang amat membuka selera dengan resepi kasih sayang yang menjadi khazanah dan peninggalan ibu penulis. Pembaca dapat merasai keenakan masakan tersebut sekiranya mencuba semua resepi dari buku ini.

SINOPSIS BUKU



AL-SATTAR, ABU TALHAH
MUHAMMAD YUNUS
ABDU
**Para malaikat pembawa
rahmat**

Batu Caves, Selangor : Al-
Hidayah, 2013. 304ms.
ISBN 978-967-368-189-1

Buku ini menerangkan tentang kepercayaan dan keyakinan umat Islam terhadap kewujudan para malaikat seperti yang telah disebut di dalam al-Quran dan hadis. Malaikat yang tercipta daripada cahaya memiliki kekuatan yang tidak sama dengan makhluk lainnya sehingga mereka dapat mengangkat Arasy. Ada empat malaikat yang sangat terkenal dan dekat di sisi Allah iaitu Jibril, Mikail, 'Izrail dan Israfil a.s. Rasulullah s.a.w. juga telah menjelaskan keistimewaan mereka yang sangat banyak dan khidmat mereka ke atas manusia dengan izin dan perintah Allah S.W.T. Malah, tiada suatu tempat pun di langit dan di bumi kecuali ada terdapat para malaikat Allah di dalamnya. Buku ini turut menyelitkan ayat-ayat surah di dalam al-Quran bagi membuktikan kesahihan tentang kewujudan malaikat.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



TANG, MUI JOO
Pemasaran buku dalam talian di Malaysia
Bangi, Selangor : Medium Publication, 2013. 186ms.
ISBN 978-967-5373-12-1

Penulis membawa pembaca mengenali konsep pemasaran tradisional dan moden dalam memasarkan buku. Ianya bertujuan untuk melihat kelebihan dan kelemahan e-dagang dari segi pemasaran, penjualan dan pengedaran buku. Penerangan mengenai hubungan antara konsep e-dagang dengan pemasaran dalam talian yang menjadi pemangkin kepada era pemasaran baru terkandung di dalam buku ini. Reka cipta laman web turut menjadi topik utama dalam perbincangan ini dalam komunikasi pemasaran dalam penjualan buku di Malaysia. Penulis turut mengajak pembaca berkongsi ilmu dalam mengenal pasti keadaan dan suasana promosi, pengedaran dan industri penjualan buku di Malaysia. Pembabitan penerbit dalam e-dagang ini amat membantu mereka meningkatkan perkembangan industri pemasaran penjualan buku di Malaysia.

SINOPSIS BUKU




ZURAIDA ZAINUN
Penyakit masalah keseimbangan badan dan rawatannya
Johor Bahru : Penerbit UTHM, 2013. 51ms.
ISBN 978-967-0468-12-9

Masalah komunikasi dalam proses perawatan pesakit adakalanya menjadi halangan kepada penyaluran maklumat yang tepat. Tidak semua pengamal perubatan mampu berkomunikasi dengan baik secara ringkas dan tepat berkenaan dengan sesuatu proses rawatan. Sehubungan itu, buku ini dapat memberikan penjelasan yang lengkap serta membantu menyediakan maklumat dan garis panduan tepat tentang masalah keseimbangan badan dan teknik rawatan rehabilitasi vestibular. Para pesakit juga dapat menjalankan latihan keseimbangan di rumah atau di tempat kerja tanpa memerlukan lawatan yang kerap ke unit terapi atau hospital. Selain itu juga, para pesakit dapat menjalankan terapi dengan teratur dengan merujuk kepada buku ini. Latihan keseimbangan badan merupakan satu teknik perubatan dalam bentuk latihan fizikal yang telah terbukti keberkesanannya dalam membantu pesakit yang mengalami masalah kesimbangan badan. Siri latihan keseimbangan badan ini dapat mengurangkan tanda dan gejala ketidakseimbangan badan untuk pesakit tersebut. Fokus utama dalam sesi latihan ini ialah untuk merangsang otak seseorang pesakit untuk pulih sepenuhnya dan dapat mengadaptasi masalah keseimbangan badan yang dihadapi.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



KHAN-PANNI, PHILIP
Public speaking lessons from a world champion : 7-time UK champion : UK's world no. 2 in public speaking
Petaling Jaya : Advantage Quest Publications, 2013.
180p.
ISBN 978-967-0484-66-2

Public Speaking Lessons from a World Champion is a quick read. This book is useful for anyone who has to make a speech or presentation, and who wants to do it well. It will help you with pointers such as: (i)Leading Through Speech, (ii)Connecting with Your Audience, (iii)Using Your Voice, (iv)Constructing Memorable Messages, (v)Structuring Your Speech or Presentation, (vi)Improving your Confidence and Delivering Specialized Speeches. As a public speaker, you have to provide your audience with information that is interesting, entertaining or inspiring. As such, anyone who is going to speak to a group must have specific goals in mind. You need to know what you are trying to achieve, what the audience would like to hear and what you want to get out of the speaking experience. Always bear in mind that whenever you speak to people, the goals you are attempting to achieve are to verbally express your thoughts and ideas, satisfy the listener or audience and get rewards from the process.

SINOPSIS BUKU



ARIFIN, YANUAR
**Ramalan-ramalan
Rasulullah s.a.w yang kini
terbukti menurut sains**
Batu Caves, Selangor : Al-
Hidayah House of
Publishers, 2013. 222ms.
ISBN 978-967-439-022-8

Kandungan buku ini menerangkan tentang kebenaran-kebenaran ramalan Rasulullah s.a.w. ketika belum wujudnya sains moden. Ramalan-ramalan Rasulullah mengenai kehidupan umat manusia dijelaskan dengan disertai fakta ilmiah yang sudah dibuktikan kebenarannya. Apa yang dihuraikan di dalam buku ini disertakan dengan data-data yang tepat dan sandaran nas-nas yang benar juga membentangkan fakta-fakta yang menakjubkan yang disahkan dan dibuktikan oleh sains dan pakar di dalam bidang yang berkaitan. Kebenarannya terbukti melalui kajian ilmiah yang dilakukan antaranya tentang manfaat berbekam, bahayanya air liur anjing, bahayanya seks bebas, bahayanya minuman beralkohol, hingga kepada ramalan berkenaan akan datangnya kaum yang gemar melakukan bidaah dan berpecahnya umat Islam kepada 73 golongan. Perkara yang diterangkan dalam buku ini, akan memberikan ilmu dan manfaat yang besar kepada pembaca dan dengan kebenaran yang ditunjukkan oleh Allah ini akan menguatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah.

SINOPSIS BUKU



NURJATMIKA, YUSEP
Reka bentuk kreatif ruang belajar anak
Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2013.
100ms.
ISBN 978-967-0268-13-2

Tahukah anda bahawa reka bentuk ruang belajar serta dalamannya akan mempengaruhi aspek kognitif, efektif dan psikomotor anak kita? Namun untuk mereka bentuk ruang belajar anak memang kelihatan agak sukar. Buku ini akan memberi panduan dan inspirasi untuk kita mereka bentuk ruang belajar anak yang sesuai. Terdapat banyak contoh konsep ruangan tempat belajar dan bermain yang pelbagai dan menarik disertakan. Bermula dengan aspek pemilihan warna, pencahayaan, elemen-elemen ruang sehingga ke zon bagi mengeksplorasi hobi anak. Turut ditekankan ialah perlunya tiga kawasan utama dalam setiap bilik tidur anak haruslah mempunyai ruang untuk mereka bermain, ruang untuk belajar dan ruang untuk penyimpanan barang. Ini agar mereka akan berasa selesa dan santai ketika berada di dalam bilik mereka sendiri sama ada untuk mengulangkaji pelajaran mahu pun bermain. Pasti pembaca ingin mencuba dan bereksperimen untuk membuat sesuatu pembaharuan ke atas bilik anak selepas membaca buku ini.


SINOPSIS BUKU



WAN HASHIM WAN TEH
Rumpun Melayu : teori migrasi dan diaspora
Nilai, Negeri Sembilan :
Penerbit USIM, 2013.
108ms.
ISBN 978-967-0393-65-0

Teori besar mengenai asal usul rumpun Melayu yang dikemukakan Heine-Geldern pada 1940-an bahawa rumpun Melayu berasal dari wilayah Yunnan di selatan China tidak dapat dicabar untuk sekian lamanya. Manakala Peter Bellwood pula menyarankan bahawa tanah rumpun Melayu adalah pulau Taiwan. Terdapat kesangsian pada tarikh penghijrahan rumpun Melayu ke selatan memasuki Alam Melayu jauh lebih awal di antara 3500 sebelum Masihi sehingga 500 Masihi. Justeru itu, buku ini mengemukakan hujah-hujah yang menolak teori besar tersebut bersandarkan kepada beberapa dapatan kajian arkeologi, antropologi, linguistik dan terbaru antropologi perubatan yang merumuskan bahawa moyang kepada rumpun atau ras Melayu (berkulit ciku masak) telah tiba di Benua Sunda (Alam Melayu) sejak 74,000-60,000 sebelum Masihi, lebih awal daripada ketibaan ras Mongoloid (berkulit kuning) di benua China, pada sekitar 60,000-45,000 sebelum Masihi. Manakala migrasi moyang Melayu-Polinesia adalah secara terus dari Asia Barat atau Utara Afrika. Rumpun Melayu ini mempunyai perbandingan ciri-ciri umum diaspora yang terdapat di Sri Lanka, Afrika Selatan, Australia dan Arab Saudi dengan merumuskan bahawa orang Melayu Cape Town mempunyai peranan yang besar dalam mengasaskan serta menyebarkan agama Islam di Afrika Selatan.

SINOPSIS BUKU



ARUNAN SELVARAJ,
DATO'
Saving your marriage
Petaling Jaya, Selangor :
TrueWealth, 2013. 148p.
ISBN 978-967-416-021-0

There will be difficulties from time to time along the road of marriage. Some might be tiny potholes while others might be big. This book was written with the hope that it may serve as an inspiration not only for those who are married but also for those who are considering marriage or having a relationship to keep moving on and having a little faith in the ride. Through the real life experiences shared in this book, one will be led to make the right choice for a happy and successful marriage. This book also guides one how to solve marriage problems in a healthy and productive manner. It also assists one to build strong marriages that can withstand challenges and to be a guiding light that leads one to a brilliant new way of living one's married life. It thoughtfully examines whether divorce is the right path for one to take one's spouse and the family.

SINOPSIS BUKU




DAYU SANSALU
**Sejarah perkembangan
pendidikan di Sabah 1881-
1981**

Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2013.
393ms.
ISBN 978-983-46-1419-5

Buku ini berkisar tentang perkembangan pendidikan di Sabah. Fokus perbincangan tertumpu pada sejarah perkembangan dan faktor pendorong berlakunya transformasi pendidikan di kalangan penduduk Sabah sebelum dan selepas pengaruh barat dan tertubuhnya Malaysia. Aspek utama yang dibincangkan berkaitan perubahan dalam pendidikan, khususnya dari aspek pertambahan bilangan sekolah, guru dan murid serta perubahan dari segi kurikulum dan dasar kerajaan. Turut dijelaskan ialah soal kepelbagaiannya jenis sekolah, aliran sekolah dan bahasa pengantar yang digunakan. Transformasi dalam pendidikan ini, seterusnya membantu dalam proses pembinaan identiti bangsa mengikut kaum dan menyatupadukan rakyat serta memainkan peranan dalam agenda pembinaan satu negara bangsa.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



KAMARUDIN HUSSIN
Strategi pengurusan festival filem : analisis penganjuran Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia ke-7
Kangar, Perlis : Penerbit Universiti Malaysia Perlis,
2013. 146ms.
ISBN 978-967-5415-53-1

Buku ini ditulis untuk berkongsi pengalaman dalam mentadbir dan menguruskan festival filem dan video – FFVPM7. Festival yang diadakan pada setiap tahun ini diasaskan oleh FINAS, iaitu agensi perfileman yang bernaung di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Buku ini memuatkan pengalaman pentadbiran dan pengurusan universiti yang membantu kepada pembentukan integriti warga kampus dalam menganjurkan festival berkenaan, serta keterlibatan IPTA/IPTS dan para pelajarnya dalam merealisasikan kejayaan festival. Di samping itu, ia juga menganjurkan beberapa aspek pentadbiran festival yang merangkumi program, aktiviti, ulasan, dan format pengurusan festival filem dan video yang telah dijayakan. Dikongsikan juga beberapa idea yang berkaitan dengan elemen kepimpinan bersama aspek pengurusan festival yang saling berkait antara satu sama lain dalam konteks penganjurannya.

SINOPSIS BUKU



SAPORA SIPON, OTHMAN ABDUL RAHMAN DAN KHADIJAH OTHMAN

Stres : punca, teori dan pengurusan efektif

Nilai, Negeri Sembilan :
Penerbit USIM, 2013.
181ms.

ISBN 978-967-0393-68-1

Buku ini memberi gambaran menyeluruh mengenai sejarah, definisi serta punca stres. Ia membincangkan mengenai teori stres serta memberi pendedahan kepada stres guru, polis dan kaunselor. Bagi membantu pembaca memahami pengurusan stres, pelbagai kaedah stres turut dipaparkan dalam buku ini. Bab pertama buku ini membincangkan tentang sejarah stres bermula dari Aristotle pada tahun keempat sebelum masihi. Bab kedua pula adalah berkaitan dengan teori stres seperti Teori Psikodinamik dan Teori Tingkah Laku. Bab ketiga sehingga bab ketujuh adalah berkaitan dengan stres dari sudut Teori Pemusatan Insan. Bab tujuh menceritakan tentang faktor dan kesan stres. Bab lapan memfokuskan mengenai stres pekerjaan iaitu stres kerja dan sumber-sumber kerja dan bab sembilan menerangkan tentang stres guru, polis dan kaunselor. Bab terakhir iaitu bab 10 membincangkan tentang strategi pengurusan stres. Kesimpulannya, semua isu berkaitan stres dibincangkan dalam buku ini bagi menyediakan maklumat asas dan terperinci mengenai stres.


SINOPSIS BUKU



SYED FAIZ SYED
MAHMAD DAN YUSRY
YUSOPP
Tip & trik usrah
Bangi, Selangor : Pelima
Media, 2013 .138ms
ISBN 978-967-5999-20-8

Ramai orang merasakan yang bernama usrah hanya boleh dihadiri oleh orang tertentu, terpilih, eksklusif dan baik-baik. Hakikatnya ia masih belum popular di kalangan orang awam khususnya masyarakat di sekeliling kita. Justeru, atas semangat ingin mengetengahkan usrah maka lahirlah buku *Tip dan Trik Usrah*. Hasrat besar buku ini ialah untuk memasyarakatkan usrah. Memasyarakatkan usrah bermakna mengangkat usrah sebagai tema baru dalam masyarakat agar dengan menyertai usrah kita dapat meningkatkan kualiti hidup sebagai Muslim dan sebagai sistem sokongan dalam kehidupan yang penuh cabaran ini. Buku ini diolah menerusi pendekatan baru yang lebih mesra pembaca iaitu tampil dengan bahasa yang mudah dan memberi gambaran yang menyeluruh mengenai usrah. Walaupun tidak terlalu terperinci sekurang-kurangnya dapat memberi gambaran awal kepada sesiapa yang baru pertama kali mendengar apa itu usrah mahupun bagi yang pertama kali menghadiri usrah. Semoga pembaca turut serta menjadi duta kepada usrah sama ada di rumah, sekolah, pejabat mahupun di dalam institusi kejiranan.

SINOPSIS BUKU



AZIZUL RAHMAN ABDUL RAHMAN
Transformasi pemikiran sarwajagat : himpunan makalah Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen 2012
Kuala Lumpur : Yayasan Nurul Yaqeen, 2013.
184ms.
ISBN 978-967-1201909

Buku ini adalah himpunan penulisan para pemenang finalis Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen tahun 2012. Penerbitan buku ini adalah bertujuan untuk menyebarluaskan hasil penyelidikan yang telah dijalankan untuk dibaca dan dirujuk oleh warga institusi pengajian tinggi dan warga umum dan merancakkan penghasilan kajian dan penemuan baharu yang bermutu berdasarkan pandangan sejagat Islam. Bab pertama buku ini membincangkan tentang industri kewangan Islam di peringkat global dan Malaysia yang diakui berkembang pesat, namun masih wujud permasalahan kepada pengguna. Bab kedua membincangkan tentang isu semasa pendidikan Islam yang mampu menyediakan individu Islam untuk menghadapi cabaran dunia moden. Bab ketiga mengupas pendekatan perundangan Islam dalam mengawal kualiti dan menyekat pencemaran air di Malaysia. Bab terakhir dalam buku ini memberi fokus kepada masalah literasi maklumat kepada masyarakat Islam yang masih kurang menguasai bidang ICT. Buku ini diharap dapat menyemarakkan lagi usaha mengangkat martabat ilmu Islam di peringkat tempatan dan antarabangsa.